



**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN HARI INI DALAM SEJARAH (HIDS)**

No. Dokumen: ANM.SDP.01/2026

**ARKIB NEGARA MALAYSIA
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
KUALA LUMPUR**

2026

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN HARI INI DALAM SEJARAH (HIDS)**

ARKIB NEGARA MALAYSIA

2026

KANDUNGAN

	Muka Surat
1. Tujuan	1
2. Latar Belakang	1
3. Punca Kuasa	2
4. Objektif	3
5. Skop	3
6. Definisi/ Tafsiran	3
7. Kriteria Pemilihan Peristiwa	3
8. Kriteria Pemilihan Bahan Rujukan	4
9. Format Penulisan Skrip	5
9.1 Skrip Siaran Radio dan Televisyen	5
9.2 Skrip Dimuat Naik dalam Portal dan Aplikasi HIDS	6
9.3 Skrip Infografik untuk Siaran Media Sosial	7
10. Proses Kerja	7
10.1 Proses Kerja Penyediaan Skrip HIDS	7
10.1.1 Menjalankan Penyelidikan Awal	7
10.1.2 Menjalankan Penyelidikan Lanjut	8
10.1.3 Membuat Penyalinan Bahan Rujukan	8
10.1.4 Menyediakan Skrip	8
10.1.5 Menyemak Skrip	9
10.1.6 Mengemukakan Skrip untuk Siaran kepada Stesen Penyiaran	9
10.1.7 Memuat Naik Skrip ke dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS	9
10.1.8 Melakukan Penjilidan Skrip dan Disimpan di Repositori untuk Simpanan Kekal	9
10.1.9 Memohon/ Menerima Video Rakaman HIDS daripada Stesen Penyiaran	9
10.1.10 Menyediakan Deskripsi untuk Simpanan Kekal	10
10.1.11 Menyimpan dalam Pangkalan Data Seksyen/ ANM Negeri	10
10.1.12 Memfailkan Rekod	10
10.1.13 Carta alir Proses Kerja Penyediaan Skrip HIDS	10
10.2 Proses Kerja Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS	10
10.2.1 Mengenal Pasti Skrip yang	10

	Dimuktamadkan	
10.2.2	Memuat Naik Skrip	10
10.2.3	Menyemak dan Mengesahkan Skrip	10
10.2.4	Memfailkan Rekod	11
10.2.5	Carta alir Proses Kerja Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS	11
10.3	Proses Kerja Penterjemahan Skrip Bahasa Melayu kepada Inggeris	11
10.3.1	Memohon Peruntukan Kewangan	11
10.3.2	Memilih dan Menyenarai Skrip untuk Terjemahan	11
10.3.3	Menyerahkan Skrip kepada Penterjemah	11
10.3.4	Menyemak dan Mengesahkan Skrip yang Diterjemah	11
10.3.5	Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS	11
10.3.6	Menguruskan Pembayaran kepada Penterjemah	12
10.3.7	Memfailkan Rekod	12
10.3.8	Carta alir Proses Kerja Penterjemahan Skrip HIDS	12
10.4	Proses Kerja Penyediaan Infografik	12
10.4.1	Mengenal Pasti dan Memilih Bahan Visual	12
10.4.2	Menyediakan Kapsyen Bahan Visual	12
10.4.3	Menyediakan Infografik	12
10.4.4	Menyemak dan Mengesahkan Infografik	12
10.4.5	Mengemukakan kepada Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi (SPA)	13
10.4.6	Memfailkan Rekod	13
10.4.7	Carta alir Proses Kerja Penyediaan Infografik HIDS	13
10.5	Proses Kerja Pembetulan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS	13
10.5.1	Menerima Aduan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS	13
10.5.2	Mengenal Pasti Kesilapan Maklumat	13
10.5.3	Membuat Pengesahan Maklumat	13
10.5.4	Menyemak Hasil Pengesahan	13

	Maklumat	
10.5.5	Menyediakan Pembetulan Skrip	14
10.5.6	Menyemak dan Meluluskan Skrip yang Dibetulkan	14
10.5.7	Melakukan Pembetulan Skrip di Platform Berkaitan	14
10.5.8	Mengemas Kini Skrip	14
10.5.9	Memfailkan Rekod	14
10.5.10	Carta alir Proses Kerja Pembetulan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS	14
11.	Penutup	15
12.	Lampiran 1 – Borang Maklumat Peristiwa Penting Jabatan/ Agensi/ Pertubuhan	16
13.	Lampiran 2 – Format Penulisan Skrip HIDS Siaran RTM	18
14.	Lampiran 3 – Format Penulisan Skrip HIDS Siaran Radio IKIM	19
15.	Lampiran 4 – Format Penyediaan Infografik HIDS untuk Siaran Media Sosial	20
16.	Lampiran 5 – Senarai Pengumpulan Peristiwa Bersejarah untuk Siaran Hari Ini Dalam Sejarah	21
17.	Lampiran 6 – Carta Alir Proses Kerja Penyediaan Skrip HIDS	22
18.	Lampiran 7 – Carta Alir Proses Kerja Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS	23
19.	Lampiran 8 – Carta Alir Proses Kerja Penterjemahan Skrip HIDS	24
20.	Lampiran 9 – Carta Alir Proses Kerja Penyediaan Infografik HIDS	25
21.	Lampiran 10 – Carta Alir Proses Kerja Pembetulan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS	26

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan kegunaan semua pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia (ANM) dalam menguruskan program Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Program HIDS diperkenalkan susulan cadangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia pada 23 Julai 1979. Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengemukakan usul YB Dato' Mohamad bin Rahmat, Menteri Penerangan supaya Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) bersama RTM menerbitkan satu segmen yang mengandungi peristiwa sejarah tanah air untuk disiarkan di televisyen. Tujuannya adalah untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang sejarah tanah air di samping membawa kesedaran terhadap kepentingan sejarah negara. Jawatankuasa tersebut bersetuju menyerahkan usul ini kepada pihak ANM untuk mengkaji dan menyediakan satu projek rintis. ANM mencadangkan program ini dinamakan sebagai **Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS)**.

2.2 Projek rintis HIDS mula ditayangkan pada bulan Disember 1979. Program ini disiarkan selama satu tahun, bermula pada 1 Januari 1980 hingga 31 Disember 1980 melalui siaran televisyen TV1 dan TV2 RTM serta radio RTM menggunakan siaran bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Siarannya diteruskan pada tahun 1981 kerana RTM mendapati siaran ini sangat popular dalam kalangan penonton televisyen dan pendengar radio.

2.3 Bagi memastikan program HIDS dapat dilaksanakan dengan teratur dan bukan bersifat sementara, satu Memorandum Bersama daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Menteri Penerangan mengenai Program HIDS dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada 28 Januari 1982. Ia bertujuan mendapatkan kelulusan mengenai kriteria peristiwa bersejarah yang boleh disiarkan dan keperluan penubuhan unit khas di ANM untuk mengendalikan program ini. Memorandum ini diluluskan

dengan pindaan oleh Jemaah Menteri yang bersidang pada 17 Februari 1982.

- 2.4 Seiring dengan perkembangan semasa dan usaha kerajaan yang ingin menyampaikan maklumat sejarah secara pantas dan interaktif kepada rakyat, satu portal khusus HIDS diperkenalkan kepada umum pada tahun 1998. Portal ini kemudian diperbaharui dan kembali diperkenalkan kepada pengguna pada 16 November 2016.
- 2.5 Selain portal, pengguna telefon pintar boleh mengakses HIDS melalui aplikasi mudah alih dengan memuat turun daripada Play Store mulai 23 Oktober 2018 dan App Store mulai tahun 2023.
- 2.6 Pada 1 Julai 2019, program HIDS berkaitan dengan peristiwa mengenai Islam ke udara di Radio Institut Kefahaman Malaysia (Radio IKIM atau IKIM.fm) dengan nama Kapsul Masa.
- 2.7 Peristiwa HIDS dalam bentuk infografik pula disiarkan di semua platform media sosial rasmi ANM mulai 16 April 2020.

3. PUNCA KUASA

Pelaksanaan program HIDS adalah berdasarkan punca kuasa yang berikut:

- (i) Memorandum Bersama Daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Menteri Penerangan mengenai Program Hari Ini Dalam Sejarah (Kertas Jemaah Menteri Bil. 57/1333/82) yang diluluskan pada tarikh 17 Februari 1982; dan
- (ii) Akta Arkib Negara 2003 [*Akta 629*], Seksyen 7. Fungsi Ketua Pengarah, iaitu:
 - (n) tertakluk kepada terma dan syarat bagi perolehannya, dan tertakluk kepada undang-undang yang berhubung dengan hak cipta, **menghasilkan semula atau menerbitkan** mana-mana arkib awam atau mana-mana bahagian daripada arkib itu; dan

(t) mengumpul dan **menyebarkan maklumat sejarah.**

4. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan dengan tujuan untuk:

- (i) Menguruskan HIDS supaya lebih sistematik; dan
- (ii) Menyeragamkan skrip HIDS yang dihasilkan agar mematuhi standard dan format yang ditetapkan.

5. SKOP

Garis panduan ini digunakan oleh semua pegawai dan kakitangan ANM dalam menguruskan HIDS supaya seragam dan teratur.

6. DEFINISI/ TAFSIRAN

‘Peristiwa bersejarah’ biasanya didefinisikan sebagai sesuatu peristiwa penting yang berlaku di sesebuah negara atau dalam dunia yang merangkumi seluruh zaman. Peristiwa ini meliputi detik-detik penting ke atas kejayaan/ kegagalan sesebuah negara/ tempat dalam bidang-bidang tertentu yang menjadi titik peralihan di dalam perjalanan riwayat negara tersebut. Hakikatnya skop sejarah adalah luas; tiada suatu bidang yang boleh dikatakan terkeluar dari lingkungan sejarah sama ada dari aspek politik, ekonomi, sosial, agama, pelajaran, kebudayaan, kesusasteraan dan sebagainya. (Sumber: Kertas Jemaah Menteri Bil. 57/1333/82)

7. KRITERIA PEMILIHAN PERISTIWA

Peristiwa HIDS hendaklah dipilih oleh pegawai bertanggungjawab dan dikaji daripada pelbagai aspek, termasuk kesesuaiannya untuk disiarkan sebagai sumber pengetahuan kepada semua peringkat masyarakat. Selain itu, ketersediaan bahan asal (sumber primer) dan fakta sejarah juga perlu diambil kira bagi memperkukuh pengolahan peristiwa tersebut agar lebih bermakna dan

berkesan. Kriteria peristiwa sejarah yang perlu diambil kira adalah seperti yang berikut:

- (i) Titik pemutus (cut-off point) penyediaan skrip yang ingin disiarkan adalah berdasarkan peristiwa yang berlaku genap lima tahun dari tarikh siaran semasa dan mempunyai tarikh, bulan dan tahun yang lengkap dan tepat.
- (ii) Peristiwa atau detik terpenting kepada sesuatu keadaan khususnya yang menjadi langkah pertama atau yang mempelopori sesuatu tindakan.
- (iii) Perkara yang menjadi titik peralihan (turning point) yang mengubah sesuatu ke arah perkembangan dan pembangunan sejarah negara.
- (iv) Titik peralihan dalam perkembangan politik, ekonomi, sosial, pentadbiran, agama, pendidikan, kebudayaan, kesusasteraan, kesenian, sukan dan sebagainya.
- (v) Perkara seperti perhubungan dan kerjasama di peringkat tempatan atau kebangsaan dan antarabangsa yang telah mengubah keadaan atau memberi nafas baharu kepada sesuatu situasi.
- (vi) Peristiwa yang berimpak penting dalam aliran sejarah yang mencorak keadaan masyarakat selepasnya.
- (vii) Penubuhan sesebuah badan, institusi dan sebagainya yang mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara.
- (viii) Keputusan yang diambil dalam persidangan atau mesyuarat yang memberi kesan besar kepada perkembangan dan kemajuan negara.
- (ix) Peristiwa yang memaparkan perjalanan sejarah negara.
- (x) Sumbangan seseorang negarawan, tokoh, individu dan pertubuhan terhadap kejayaan, perkembangan dan pembangunan negara.
- (xi) Peristiwa penting dan bersejarah yang memberi impak kepada kejayaan, perkembangan dan pembangunan negeri.

8. KRITERIA PEMILIHAN BAHAN RUJUKAN

Bahan-bahan rujukan yang perlu diambil kira semasa membuat rujukan bagi menyediakan skrip HIDS adalah seperti yang berikut:

- (i) Bahan yang terdiri daripada sumber primer, iaitu sumber yang sahih, berintegriti, berautoriti dan boleh dipercayai.

- (ii) Rekod awam dan arkib awam seperti fail, warta, peraturan dan undang-undang, surat khabar, buku serta pelbagai sumber lain.
- (iii) Bahan atau maklumat yang diterbitkan atau disiarkan dalam laman sesawang dan media sosial rasmi atau simpanan jabatan/ agensi/ organisasi.
- (iv) Penggunaan bahan yang disiarkan di laman sesawang dan media sosial yang tidak berautoriti adalah dilarang sama sekali.

9. FORMAT PENULISAN SKRIP

9.1 Skrip Siaran Radio dan Televisyen

Penulisan skrip untuk siaran radio dan televisyen hendaklah mematuhi format yang berikut:

(i) Tajuk Peristiwa

Tajuk perlu ditentukan atau disediakan bagi menggambarkan keseluruhan isi kandungan atau peristiwa dan ditulis dengan huruf besar.

(ii) Tarikh Peristiwa

Tarikh setiap peristiwa hendaklah dinyatakan dengan tepat dan lengkap mencakupi bulan dan tahun.

(iii) Permulaan Ayat

Permulaan ayat bagi penulisan skrip adalah mengikut kesesuaian format yang dipersetujui antara ANM dengan badan penyiar. Contohnya, bagi siaran RTM, ayat hendaklah dimulakan dengan frasa “Pada hari ini dalam tahun... (tahun peristiwa),...”, manakala bagi siaran Radio IKIM, permulaan frasa adalah “Pada tanggal... (diikuti dengan tarikh, bulan dan tahun peristiwa)...”

(iv) Isi Kandungan atau Olahan Skrip

Isi kandungan hendaklah mempunyai maklumat penting mengenai sesuatu peristiwa, iaitu merangkumi tokoh yang terlibat dan jawatan, lokasi peristiwa berlaku, kronologi peristiwa, tujuan atau objektif peristiwa tersebut dilaksanakan dan sebagainya yang boleh membangkitkan semangat, rasa kecintaan dan memberi panduan atau pengajaran serta menambah ilmu para pendengar atau pembaca.

(v) Spesifikasi Format Teknikal Penulisan

- a. Jenis fon: Arial
Saiz fon: 12
- b. Langkau baris: 2 langkau (Double)
- c. Panjang penulisan skrip: 100 hingga 200 patah perkataan (setengah atau satu muka surat kertas bersaiz A4)
- d. Kedudukan Teks: *Justified*

(vi) Sumber Rujukan dan Penyalinan Bahan

Senarai sumber rujukan hendaklah disediakan dengan lengkap dan bahan yang dirujuk hendaklah dibuat salinan bagi memudahkan rujukan semula.

Contoh format penulisan skrip HIDS bagi siaran Radio dan Televisyen RTM adalah seperti Format Penulisan Skrip HIDS Siaran RTM dalam **LAMPIRAN 2**, manakala bagi siaran Radio IKIM adalah seperti Format Penulisan Skrip HIDS Siaran Radio IKIM dalam **LAMPIRAN 3**.

9.2 Skrip Dimuat Naik dalam Portal dan Aplikasi HIDS

Skrip yang dimuat naik dalam portal HIDS merupakan skrip yang disiarkan di radio dan televisyen. Skrip ini juga diterjemahkan ke dalam bahasa

Inggeris kerana portal dan aplikasi HIDS ini disediakan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris.

9.3 Skrip Infografik untuk Siaran Media Sosial

Bagi siaran di media sosial, infografik disediakan agar penyampaian HIDS lebih interaktif. Hanya bahan visual dan kapsyen ringkas berkaitan peristiwa yang dipaparkan dalam infografik manakala skrip penuh dimuatkan dalam ruangan kapsyen di platform media sosial. Format Penyediaan Infografik HIDS Untuk Siaran Media Sosial adalah seperti dalam **LAMPIRAN 4**.

10. PROSES KERJA

10.1 Proses Kerja Penyediaan Skrip HIDS

10.1.1 Menjalankan Penyelidikan Awal

- (i) Penyelidikan awal perlu dijalankan bagi mengesan dan mengenal pasti tarikh peristiwa bersejarah. Penyelidikan boleh dijalankan dengan menggunakan bahan arkib, perpustakaan dan maklumat daripada laman sesawang atau media sosial jabatan/ agensi berkaitan.
- (ii) Mengumpul dan menyenaraikan peristiwa penting mengikut tarikh, bulan dan tahun.
- (iii) Pengesanan dan pengumpulan maklumat boleh dilakukan melalui jabatan/ agensi/ pertubuhan dengan menggunakan borang maklumat yang ditetapkan seperti dalam **LAMPIRAN 1**. Maklumat yang diperolehi ini hendaklah direkodkan supaya boleh dirujuk semula dan dijadikan bukti sekiranya timbul perkara berbangkit seperti Senarai Pengumpulan Peristiwa Bersejarah Untuk Siaran Hari Ini Dalam Sejarah dalam **LAMPIRAN 5**.

10.1.2 Menjalankan Penyelidikan Lanjut

- (i) Menjalankan penyelidikan lanjut bagi peristiwa yang telah dikenal pasti melalui rujukan bahan arkib atau bahan dalam simpanan institusi berkaitan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, perpustakaan universiti, perpustakaan negeri dan sebagainya.
- (ii) Sekurang-kurangnya satu bahan primer atau sahih diperlukan untuk menghasilkan skrip sepanjang 100 hingga 200 patah perkataan.
- (iii) Mengenal pasti bahan-bahan visual yang akan disiarkan bersama skrip yang disediakan (untuk skrip yang disiarkan di televisyen sahaja).

10.1.3 Membuat Penyalinan Bahan Rujukan

Membuat penyalinan bahan rujukan bagi tujuan siaran televisyen serta rujukan semula bahan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan peristiwa yang dipilih.

10.1.4 Menyediakan Skrip

- (i) Skrip disediakan bagi peristiwa yang dipilih dengan cara mengolah peristiwa tersebut berdasarkan pelbagai sumber rujukan mengikut spesifikasi format teknikal penulisan yang ditetapkan seperti dalam perkara 9.1 (v).
- (ii) Peristiwa yang mempunyai pengaruh besar kepada perjalanan sejarah negara boleh diulang siar.
- (iii) ANM Negeri perlu menyediakan skrip peristiwa yang penting dan bernilai di peringkat negeri. Manakala, peristiwa yang mempunyai nilai kebangsaan yang ditemui oleh ANM Negeri boleh dikemukakan kepada ibu pejabat.
- (iv) Bagi mengatasi masalah tarikh peristiwa yang sukar diperoleh, jabatan kerajaan, badan berkanun, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan boleh dihubungi untuk mendapatkan peristiwa penting dan bernilai kebangsaan

atau negeri mengenai jabatan, badan berkanun, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan tersebut. Permohonan maklumat ini boleh dikemukakan dengan menggunakan format Borang Maklumat Peristiwa Penting Jabatan/ Agensi/ Pertubuhan seperti dalam **LAMPIRAN 1**.

10.1.5 Menyemak Skrip

Semakan skrip yang disediakan perlu dilakukan oleh Ketua Seksyen atau Pengarah ANM Negeri bagi memastikan ketepatan maklumat dan penyampaian atau pengolahan skrip yang menarik dan bermakna.

10.1.6 Mengemukakan Skrip untuk Siaran kepada Stesen Penyiaran

Skrip yang dimuktamadkan perlu dihantar kepada pihak penyiar. Bagi siaran televisyen, skrip hendaklah disertakan bersama sekurang-kurangnya tiga bahan visual.

10.1.7 Memuat Naik Skrip ke dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS

Skrip dimuat naik ke dalam Portal HIDS dan dikemas kini secara automatik dalam Aplikasi Mudah Alih HIDS.

10.1.8 Melakukan Penjilidan Skrip dan Disimpan di Repositori untuk Simpanan Kekal

Skrip HIDS yang disediakan perlu dijilid pada setiap tahun dan didaftarkan untuk simpanan kekal dalam repositori dan disediakan kemudahan untuk rujukan awam.

10.1.9 Memohon/ Menerima Video Rakaman HIDS daripada Stesen Penyiaran

Salinan rakaman video atau audio siaran hendaklah dimohon daripada pihak penyiar untuk tujuan simpanan di ANM. Bahan yang diterima ini hendaklah disediakan deskripsi sebelum

didaftarkan, disimpan kekal dalam repositori dan disediakan kemudahan untuk rujukan awam.

10.1.10 Menyediakan Deskripsi untuk Simpanan Kekal

Deskripsi disediakan bagi memastikan bahan HIDS dikenal pasti dengan tepat dan memudahkan rujukan awam.

10.1.11 Menyimpan dalam Pangkalan Data Seksyen/ ANM Negeri

Bahan HIDS hendaklah disimpan dalam pangkalan data Seksyen atau ANM Negeri bagi tujuan rekod dan rujukan.

10.1.12 Memfailkan Rekod

Semua rekod berkaitan difailkan untuk rujukan dari semasa ke semasa.

10.1.13 Carta alir Proses Kerja Penyediaan Skrip HIDS boleh dirujuk dalam **LAMPIRAN 6**.

10.2 Proses Kerja Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS

10.2.1 Mengenal Pasti Skrip yang Dimuktamadkan

Mengenal pasti dan memastikan hanya skrip yang dimuktamadkan dipilih untuk dimuat naik.

10.2.2 Memuat Naik Skrip

Skrip yang dimuktamadkan dimuat naik dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS.

10.2.3 Menyemak dan Mengesahkan Skrip

Skrip disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab selepas dimuat naik ke dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS.

10.2.4 Memfailkan Rekod

Semua rekod berkaitan difailkan untuk rujukan dari semasa ke semasa.

10.2.5 Carta alir Proses Kerja Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS boleh dirujuk dalam **LAMPIRAN 7**.

10.3 Proses Kerja Penterjemahan Skrip Bahasa Melayu kepada Inggeris

10.3.1 Memohon Peruntukan Kewangan

Permohonan peruntukan kewangan hendaklah dikemukakan kepada seksyen/ unit yang berkaitan.

10.3.2 Memilih dan Menyenarai Skrip untuk Terjemahan

Skrip baharu yang masih belum diterjemahkan perlu dipilih dan disenaraikan.

10.3.3 Menyerahkan Skrip kepada Penterjemah

Skrip diserahkan kepada penterjemah untuk urusan penterjemahan ke dalam bahasa Inggeris.

10.3.4 Menyemak dan Mengesahkan Skrip yang Diterjemah

Skrip yang telah diterjemahkan perlu disemak oleh pegawai yang terlibat dalam proses penyediaan skrip dan seterusnya disahkan oleh Ketua Seksyen atau Pengarah ANM Negeri bagi memastikan kualiti serta ketepatan terjemahan.

10.3.5 Memuat Naik Skrip dalam Portal dan Aplikasi Mudah Alih HIDS

Skrip yang telah disemak dan disahkan perlu dimuat naik ke dalam portal dan aplikasi mudah alih HIDS.

10.3.6 Menguruskan Pembayaran kepada Penterjemah

Pembayaran kepada penterjemah hendaklah diuruskan tertakluk kepada peraturan kewangan serta prosedur perolehan yang berkuat kuasa.

10.3.7 Memfailkan Rekod

Semua rekod berkaitan difailkan untuk rujukan dari semasa ke semasa.

10.3.8 Carta alir Proses Kerja Penterjemahan Skrip HIDS boleh dirujuk dalam **LAMPIRAN 8**.

10.4 Proses Kerja Penyediaan Infografik

10.4.1 Mengenal Pasti dan Memilih Bahan Visual

Bahan visual yang sesuai dengan peristiwa dalam skrip HIDS dipilih.

10.4.2 Menyediakan Kapsyen Bahan Visual

Kapsyen ringkas bahan visual tersebut disediakan. Kapsyen tersebut haruslah sesuai dan berkaitan dengan bahan visual.

10.4.3 Menyediakan Infografik

Infografik yang disediakan hendaklah mematuhi format yang ditetapkan seperti dalam **LAMPIRAN 4**. Namun begitu, penyediaan grafik ini bergantung kepada keperluan semasa.

10.4.4 Menyemak dan Mengesahkan Infografik

Infografik yang disediakan perlu disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dan disahkan oleh Ketua Seksyen atau Pengarah ANM Negeri.

10.4.5 Mengemukakan kepada Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi (SPA)

- (i) Infografik yang dimuktamadkan dikemukakan kepada SPA untuk dimuat naik ke media sosial rasmi ANM.
- (ii) ANM Negeri boleh memuat naik infografik HIDS di platform yang bersesuaian dan mendapatkan khidmat nasihat SPA, sekiranya perlu.

10.4.6 Memfailkan Rekod

Semua rekod berkaitan difailkan untuk rujukan dari semasa ke semasa.

10.4.7 Carta alir Proses Kerja Penyediaan Infografik HIDS boleh dirujuk dalam **LAMPIRAN 9**.

10.5 Proses Kerja Pembetulan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS

10.5.1 Menerima Aduan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS

Aduan diterima secara rasmi atau tidak rasmi berdasarkan hebahan HIDS di platform media sosial ANM dan portal HIDS.

10.5.2 Mengenal Pasti Kesilapan Maklumat

Kesilapan maklumat dalam skrip HIDS dikenal pasti.

10.5.3 Membuat Pengesahan Maklumat

Pengesahan maklumat dibuat melalui semakan bahan arkib dan sumber rujukan sahih bagi memastikan ketepatan maklumat.

10.5.4 Menyemak Hasil Pengesahan Maklumat

Hasil pengesahan maklumat dikemukakan untuk semakan oleh Ketua Seksyen atau Pengarah ANM Negeri bagi menentukan

keperluan tindakan pembetulan.

10.5.5 Menyediakan Pembetulan Skrip

Pembetulan skrip disediakan berdasarkan maklumat yang telah disahkan.

10.5.6 Menyemak dan Meluluskan Skrip yang Dibetulkan

Skrip yang dibetulkan perlu disemak dan diluluskan oleh Ketua Seksyen atau Pengarah ANM Negeri.

10.5.7 Melakukan Pembetulan Skrip di Platform Berkaitan

Pembetulan skrip dilakukan di semua platform berkaitan iaitu portal HIDS, aplikasi mudah alih HIDS dan media sosial rasmi ANM.

10.5.8 Mengemas Kini Skrip

Skrip yang dibetulkan dikemas kini, disimpan dan difailkan untuk rujukan serta simpanan kekal.

10.5.9 Memfailkan Rekod

Semua rekod berkaitan difailkan untuk rujukan dari semasa ke semasa.

10.5.10 Carta alir Proses Kerja Pembetulan Kesilapan Maklumat dalam Skrip HIDS boleh dirujuk dalam **LAMPIRAN 10**.

11. PENUTUP

Garis panduan ini menjadi rujukan utama bagi pegawai dan kakitangan ANM dalam melaksanakan tugas menguruskan HIDS. Selain itu, garis panduan ini juga dapat membantu memberi kefahaman kepada semua pegawai dan kakitangan ANM berkaitan penyediaan HIDS.

Disediakan Oleh:
Seksyen Dokumentasi dan Penerbitan
Arkib Negara Malaysia

**BORANG MAKLUMAT PERISTIWA PENTING
JABATAN/ AGENSI/ PERTUBUHAN**

JABATAN/ AGENSI/ PERTUBUHAN :

MAKLUMAT PERISTIWA

TAJUK	
TARIKH	
LOKASI	
TOKOH DAN JAWATAN	
PERINCIAN KRONOLOGI PERISTIWA/ TOKOH/ ORGANISASI (Ringkasan kronologi peristiwa program/ majlis/ pelancaran/ biodata tokoh/ sejarah organisasi dan lain-lain)	
SUMBER RUJUKAN (Sumber rujukan bersesuaian seperti salinan akhbar, buku program, gambar, dokumen, majalah, buletin dan lain-lain. Bahan atau salinan bahan ini hendaklah diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia)	

Disediakan oleh:

NAMA :
JAWATAN :
NO. TELEFON :
E-MEL :

CONTOH BORANG YANG TELAH DILENGKAPKAN

BORANG MAKLUMAT PERISTIWA PENTING JABATAN/ AGENSI/ PERTUBUHAN

JABATAN/ AGENSI/ PERTUBUHAN : ARKIB NEGARA MALAYSIA

MAKLUMAT PERISTIWA

TAJUK	UPACARA PELANCARAN PROTON SAGA
TARIKH	09.07.1985
LOKASI	Shah Alam, Selangor
TOKOH DAN JAWATAN	Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri
PERINCIAN KRONOLOGI PERISTIWA/ TOKOH/ ORGANISASI (Ringkasan kronologi peristiwa program/ majlis/ pelancaran/ biodata tokoh/ sejarah organisasi dan lain-lain.)	- Kereta sulung buatan negara. - Dihasilkan berasaskan model Mitsubishi selepas pengeluaran kereta Jepun itu bersetuju untuk bekerjasama dengan <i>Heavy Industries Corporation of Malaysia</i> (HICOM) untuk menghasilkannya. - Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON) selaku pengedar tunggal Proton Saga membuka 20 cawangan dan bilik pameran di seluruh Malaysia. - Bilik pameran pertama EON terletak di Jalan Changkat Thambi Dollah, off Jalan Pudu yang dirasmikan pada 4 Mac 1985.
SUMBER RUJUKAN (Sumber rujukan bersesuaian seperti salinan akhbar, buku program, gambar, dokumen, majalah, buletin dan lain-lain. Bahan atau salinan bahan ini hendaklah diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia)	- Berita Harian - 10.07.1985 - Berita HICOM keluaran 1, 1985 - Buku Program Upacara Pelancaran Proton Saga.

Disediakan oleh:

NAMA : Mohamad Roslaily bin Rosdi
JAWATAN : Pegawai Arkib
NO. TELEFON : 03-62090665
E-MEL : roslaily@arkib.gov.my

FORMAT PENULISAN SKRIP HIDS SIARAN RTM

PEMBUKAAN RASMI BANK NEGARA

TARIKH PERISTIWA: 24.01.1959

Pada hari ini dalam tahun 1959, DYMM Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Agong berkenan mencemar duli merasmikan pembukaan Bank Negara Tanah Melayu di Kuala Lumpur. Dalam titah ucapan, DYMM Tuanku Abdul Rahman menyifatkan upacara tersebut sebagai peristiwa yang terpenting semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Objektif Bank Negara yang utama adalah mengeluarkan mata wang, menjadi *banker* dan penasihat kewangan kepada Kerajaan Persekutuan. Selain daripada itu, tujuan penubuhannya adalah untuk memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan kewangan serta menyelenggara perkhidmatan kredit yang boleh mendatangkan manfaat kepada Kerajaan Persekutuan. YBhg. Tan Sri William Howard Wilcock, Penasihat Bank kepada Kerajaan Persekutuan dilantik menjadi Gabenor Bank Negara yang pertama.

Skrip Disediakan Oleh:
Mohamad Roslaily bin Rosdi
Seksyen Dokumentasi dan Penerbitan
Arkib Negara Malaysia

FORMAT PENULISAN SKRIP HIDS SIARAN RADIO IKIM

MAJLIS PELANCARAN WAKAF OLEH MAYBANK ISLAMIC BERHAD

Tarikh Peristiwa: 02.07.2010

Pada tanggal 2 Julai 2010, Majlis Pelancaran Wakaf Oleh Maybank Islamic Berhad diadakan di Menara Maybank, Kuala Lumpur. Wakaf ini diperkenalkan bertujuan untuk menyediakan alternatif kepada pewakaf meletakkan simpanan wang mereka sebagai sumbangan wakaf. Maybank merupakan institusi kewangan pertama di negara ini yang menawarkan wakaf bersepadu kepada pelanggannya. Pewakaf boleh membuat sumbangan wakaf mereka secara dalam talian (online), *Automated Teller Machine* (ATM), *Cash Deposit Machine* (CDM) dan di kaunter Maybank yang berhampiran. Pada majlis pelancaran tersebut turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Yayasan Wakaf Malaysia dengan Maybank Islamic Berhad. Kerjasama ini dilakukan bertujuan untuk memperkukuhkan wakaf sebagai satu instrumen dan pemacu kepada ekonomi masyarakat dan negara. Kerjasama strategik ini dapat membantu meningkatkan usaha dalam memberi kesedaran untuk berwakaf dalam kalangan orang Islam. Melalui usaha ini, Maybank Islamic Berhad dan Yayasan Wakaf Malaysia menyasarkan untuk mendapatkan lebih ramai penyumbang dan meningkatkan kutipan wakaf di Malaysia.

Skrif Disediakan Oleh:
Norhidayah binti Harun
Seksyen Dokumentasi dan Penerbitan
Arkib Negara Malaysia

FORMAT PENYEDIAAN INFOGRAFIK HIDS UNTUK SIARAN MEDIA SOSIAL

Skrip Infografik

MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Pada hari ini dalam tahun 2011, Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disempurnakan oleh KDYMM Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Yang di-Pertuan Agong di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kompleks mahkamah ini mula dibina pada 10 April 2006 dan siap sepenuhnya pada 31 Mei 2011. Kos pembinaannya menelan belanja sebanyak RM96 juta. Pembinaan ini menandakan satu era baharu bagi Mahkamah Syariah di Malaysia. Sewaktu awal pembentukan mahkamah ini, ia memulakan operasinya di Dewan Tuanku Abdul Rahman sebelum berpindah ke Bangunan Jabatan Kerja Raya di Jalan Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur. Ia kemudian sekali lagi berpindah ke Bangunan Baitulmal di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur sebelum mempunyai bangunannya sendiri.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, layari <https://hids.arkib.gov.my> atau muat turun aplikasi HIDS di Google Play Store dan Apple App Store. HIDS juga bersiaran di:

- 1) RTM TV pada pukul 6.59 pagi, 12.59 tengah hari, 4.59 petang dan 7.59 malam
- 2) 34 stesen radio milik RTM
- 3) Radio IKIM dengan nama Kapsul Masa pada pukul 10.00 pagi dan 4.00 petang

Infografik



LAMPIRAN 5**SENARAI PENGUMPULAN PERISTIWA BERSEJARAH
UNTUK SIARAN HARI INI DALAM SEJARAH**


Bil.	Tarikh, Bulan & Tahun Peristiwa	Tajuk Peristiwa	Ringkasan Kronologi Peristiwa	Sumber Rujukan

Disediakan Oleh:


Nama :

Jawatan :


**CARTA ALIR
PROSES KERJA PENYEDIAAN SKRIP HIDS**




CARTA ALIR
PROSES KERJA MEMUAT NAIK SKRIP
DALAM PORTAL DAN APLIKASI MUDAH ALIH HIDS



CARTA ALIR
PROSES KERJA PENTERJEMAHAN SKRIP HIDS



CARTA ALIR
PROSES KERJA PENYEDIAAN INFOGRAFIK HIDS



CARTA ALIR
PROSES KERJA PEMBETULAN KESILAPAN MAKLUMAT DALAM SKRIP HIDS

